

21/07/2002

Satu undi pun menang juga

SATU idiom (kiasan) Inggeris berbunyi half a loaf is better than no bread/none - terpaksa menerima kurang daripada yang berhak, lebih baik separuh daripada kosong.

Keputusan pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Negeri Anak Bukit, Khamis lalu telah memberi kemenangan tidak sepenuhnya kepada Pas (pihak bertahan) dan Barisan Nasional (BN) melalui Umno (pencabar).

Sepintar mana pun retorika dan sehangat mana semangat dibakar, keputusan akhir dibuat oleh pengundi dalam sebuah booth (pondok mengundi) di tempat mengundi tanpa takut kerana undi rahsia. Itulah kemuncak tradisi demokrasi, tiada hujah lebih terpenting daripada pengundian itu.

Pilihan raya, kata bijak pandai, dimenangi kerana majoriti mengundi menolak calon tertentu bukan kerana mahu calon lain!

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kenalan lama Datuk Othman Abdul kerana kembali ke Parlimen selepas berperang sengit dengan Pas yang begitu taksub dan fanatik menghayati apa yang disebut sebagai ideologi religio-politik (agama-politik). Tahniah kepada jurutera Amiruddin Hamzah kerana berjaya mempertahankan kerusi Pas di Dewan Undangan Negeri Kedah walaupun terpaksa menghadapi jentera pilihan raya BN yang cukup besar.

Kemenangan BN di Pendang dan kejayaannya mengurangkan majoriti Pas di Anak Bukit, pada pandangan saya, adalah petanda kebangkitan semula Umno di kedua-dua medan itu. Dalam pilihan raya seperti Pertandingan Bola Sepak Piala Dunia - satu undi, satu gol menang juga. Brazil kalahkan Jerman hanya dua gol saja.

Rabu lepas saya telah menulis dalam kolum mingguan saya On The Record dalam New Straits Times bahawa BN dijangka menang satu dan satu lagi menjadi rebutan. Saya menggunakan perkataan probable, dalam bahasa ibunda maknanya yang dijangka akan berlaku, bukan possible bermakna mungkin. Tetapi saya salah kawasan.

Seperti orang lain, saya juga berpendapat Anak Bukit akan dimenangi BN, bukan Pendang. Kenapa begitu? Bukan bermakna saya dan orang lain tidak mahu Pendang, cuma pada fikiran saya keutamaan BN adalah Anak Bukit sebab mahu mengembalikan kedudukan majoriti dua pertiga dalam Dewan Undangan Negeri Kedah. Kalau pun Pendang kalah ia tidak menjejaskan rekod dua pertiga di Parlimen. Keutamaan Pas pun serupa: mahu menafikan apa jua pun cita-cita BN itu maka perlagaan dan pertelagahan di Anak Bukit sangat hebat.

Saya diberitahu oleh orang Umno dan Pas masing-masing yakin mereka akan menang 2-0. Tegas seorang pemimpin Pas kepada saya dalam bahasa Inggeris "A repeat, Tan Sri - keputusan berulang." Seorang Menteri Umno pula, juga bertutur Inggeris "A reversal, yakni pembalikan (pada Umno)." Kedua-dua salah kerana terlalu ghairah mahu kemenangan maka mereka terlupa apa yang berlaku dan keadaan yang wujud di kedua-dua kawasan itu.

Apa pun kedua-dua pemimpin itu jujur dan ikhlas, mereka percaya pihaknya akan menang 2-0. Namun, manusia merancang Allah juga yang menentukan.

Kalau kesilapan, kelemahan diatasi masa depan dan pengalaman di Anak Bukit menjadi pengajaran dan andainya sokongan rakyat - sudah mulai secara terang kembali kepada BN - dan berterusan, saya yakin BN dapat merampas kembali kawasan di mana Sultan dan Sultanah Kedah bersemayam.

Sokongan Melayu kepada Umno kian pulih walaupun begitu perhatian khusus harus diberi kepada muda mudi dan wanita. Mereka akan menentukan menang atau kalah satu parti dalam pilihan raya kecil mahu pun dalam pilihan raya

umum kelak.

Anak Bukit terlepas, Umno hilang peluang paling cemerlang. Jelas sikap kesederhanaan dan pragmatik kerajaan BN dan cara kempen BN yang agak bersopan santun, sabar dan tidak agresif tidak mencukupi. Sebelum hari mengundi pun jari telah dituding bahawa kononnya "orang ini" dan "orang itu" tidak akan membenarkan Cikgu Ya Said menang. Sebabnya dihuraikan, betul, adil atau rekaan tidak lagi menjadi perhitungan tetapi ini dijaja oleh lawan dan kawan, sudah tentu impaknya ada atas pengundi yang mahu cari sebab tidak mahu turun mengundi atau memangkah Cikgu Ya.

Di Pendang cakap-cakap begitu tidak wujud sebaliknya terserlah sikap keyakinan menang walau pun keadaan on the ground atau setempat lebih sukar lagi dari Anak Bukit.

Jelas Anak Bukit sasaran utama kedua-dua pihak kerana Rumah Pas Terengganu, Kompleks Umno Perlis, Markas Umno Melaka, Perak, Wanita Umno dan Pemuda semua di sini. Pusat Puteri Umno di Pendang.

Apabila keputusan diperolehi malam itu juga, kami di New Straits Times dan Berita Harian menulis Lidah Pengarang, bukan tunggu keesokan hari. Saya suka mengimbas kembali apa yang disiarkan pada hari Jumaat (19 Julai) di ruang Minda Pengarang - kepercayaan pulih di Pendang, nyaris di Anak Bukit. Di NST pula 'Bridging gulfs of Mistrust'.

Saya telah memuji Umno dan parti komponen BN yang menunjukkan kematangan dan perpaduan semasa pilihan raya kecil, peranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datuk Seri Abdullah Badawi yang berkampung di Alor Star sepanjang pilihan raya kecil itu. Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan lain-lain lagi semuanya bekerja keras; Datuk Seri Shahidan Kassim seperti Abdullah berpekan di Anak Bukit, juga Menteri Besar dan Ketua Menteri lain terutama tuan rumah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Sudah tentu tanpa peranan singkat Dr Mahathir dan ucapannya melalui televisyen (adalah tradisi Umno berzaman Perdana Menteri dan Presiden Umno menyerah peranan menguruskan pilihan raya kecil kepada timbalannya tetapi kali ini secara kebetulan, tegas Dr Mahathir dia ke Anak Bukit dan Pendang) - Pendang pun hanyut!

Kelmarin Syed Razak, Pengarah Pilihan Raya Kecil BN kedua-dua kawasan menegaskan dia bertanggung jawab di atas kekalahan di Anak Bukit. Tetapi pengarah yang sama menang di Pendang. Pas dan keluarganya, Keadilan yang berperanan dalam pilihan raya kecil ini menuduh media punca kekalahan di Pendang. Bagaimana boleh menang di Anak Bukit?

Sedikit kejayaan yang dicapai hasil usaha bersama dan bersepadu (boleh diperkemaskan lagi, wujudkan buku panduan dan laksanakannya mengambil kira sensitiviti tempatan) semua pihak .

Andainya sokongan orang Melayu terus berkembang dan segera kembali kepada Umno, saya percaya, tidak begitu mudah Pas hendak merampas Kedah. Namun begitu Umno Kedah mesti lebih berwaspada. Benar sokongan meningkat tetapi jangan berpeluk tubuh. Lihat apa berlaku di Pendang. Sungguhpun BN menang. Apalagi pengalaman di Anak Bukit harus membuka mata dan minda Umno Kedah bahkan Umno seluruhnya.

Perjalanan bagi Umno Kedah masih penuh dengan liku dan duri. Umno mesti menarik golongan muda khasnya. Kesungguhan dan kefanatikan Pemuda Pas bermotosikal sekeliling kampung dan berani melakukan apa saja bagi menghalang kejayaan Umno dan mempertahankan Pas adalah pahlawan yang memenangi Anak Bukit dan nyaris berjaya bertahan di Pendang.

Saya dapati peranan Wanita dan Puteri Umno memuaskan. Pemuda Umno mesti meningkatkan prestasi mereka. Kejayaan memujuk pemuda bangsa akan mempercepatkan proses memulih kepercayaan dan sokongan rakyat kepada Umno.

Sudah tiga pilihan raya kecil yang Melayu terbabit secara langsung kelakuan gangsterisme berlaku. Kedua-dua di Kedah. Masakan belum belajar

lagi? Di Sanggang, Pahang tiada peristiwa orang Pas menahan kenderaan penyokong Umno, kenapa di Kedah saja ini berlaku?

Di Kelantan pun, kubu Pas dulu dan kini (kecuali tahun 1978-90) tiada peristiwa seperti di Lunas dan Pendang berlaku. Satu masa dulu kala Umno ada Pemuda Tahan Lasak kini yang ada sebenarnya Puteri Umno tahan berjuang yang menakjubkan lawan dan kawan.

Presiden Sukarno goncang penjajahan Belanda dan menamatkannya dengan beberapa kerat pemuda, begitu juga Sardon Jubir (18 tahun kemudian baru jadi Tun) waktu menetapkan tarikh kemerdekaan kita. Pas belajar dari sejarah Pemuda Umno sendiri!